

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR [SILAM]**

TARIKH : 17 JUN 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menempatkan Pendatang tanpa izin yang ditahan dalam operasi membanteras PATI di Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) memandangkan Pusat Tahanan sementara tidak dapat menampung jumlah PATI.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Negeri Sabah mempunyai sebanyak empat (4) Pusat Tahanan Sementara (PTS) iaitu di Kota Kinabalu, Papar, Sandakan dan Tawau yang boleh menampung seramai 6,150 orang tahanan pada satu-satu masa.

Semua PATI yang ditangkap, termasuk dari kawasan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) akan ditempatkan di mana-mana PTS di negeri Sabah. Bagi menjimatkan kos dan masa, PATI yang ditangkap di kawasan ESSZONE akan ditempatkan di PTS Sibuga, Sandakan dan PTS Tawau. Walau bagaimanapun, jika kedua-kedua PTS tersebut sesak, maka PATI akan dipindahkan sama ada ke PTS Kota Kinabalu atau PTS Papar.

Bagi mengelakkan PTS dari mengalami kesesakan, maka proses pengusiran dilaksanakan dengan lebih cepat. Seramai 8,675 orang PATI telah diusir pulang ke negara asal mereka sejak bulan Januari 2015 sehingga kini.

Pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengemukakan permohonan untuk membina sebuah lagi PTS baru di Lahad Datu dan menaik taraf PTS Tawau serta PTS Papar untuk menampung jumlah tahanan PATI yang ditangkap dalam operasi yang dilaksanakan oleh pasukan keselamatan termasuk ESSCOM.

Sekian. Terima kasih.